

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

## 25 AUG

# USM RANGKUL KEJAYAAN DI I-PHEX 2016

Kubang Kerian, 25 Ogos 2016 - Kemurungan serta tekanan yang dialami oleh pelajar-pelajar pengajian perubatan menjadi inspirasi kepada Pensyarah Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) Dr Muhammad Saiful Bahri Yusoff untuk melakukan kajian 'The Medical Students Stress Source Questionnaires A Valid Screening To Discover Sources Of Stress Of Medical Students'.

Kajian sejak 2008 itu bagi menentukan tahap dan punca stres oleh pelajar dengan membangunkan 'Medical Student Stress Source Questionnaires' (MSSQ).

"Kini ramai pengkaji luar menggunakan MSSQ kerana ia 'reliable', 'valid' dan merupakan satu-satunya alat yang boleh mengenalpasti punca stres," kata Muhammad Saiful Bahri.

Hasil kajian tersebut telah diindex dalam PsyTEST Database yang diterbitkan oleh American Psychologist Association.

Muhammad Saiful Bahri kini sedang berbincang untuk berkolaborasi dengan pengkaji Taiwan dan United Kingdom untuk menjalankan projek terbaharu untuk melihat kemampuan MSSQ supaya lebih sah, lebih tinggi kebolehpercayaan bila diukur dan ukuran itu mencerminkan punca sebenar pelajar stres manakala hasilnya boleh berulang-ulang.

Projek ini turut menarik perhatian pengkaji New Zealand, Jepun, Hong Kong serta universiti awam dalam negara.

Projek yang mengetengahkan pengembangan dan pemindahan ilmu serta kolaborasi di peringkat antarabangsa ini telah dianugerahkan 'Best Of The Best Award For IPHEX 2016' serta 'Gold Medal IPHEX 2016' dalam International Innovative Practices In Higher Education Expo 2016 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia, Semarak baru-baru ini.

Teks: Lailatul Hafiza Abdul Rashid



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015